

12 APR 2001

Bilik-Elektronik

BILIK DARJAH ELEKTRONIK PERTAMA DILANCAR

KUALA LUMPUR, 12 April (Bernama) -- Bilik darjah elektronik yang pertama di negara ini yang dilengkapi dengan Internet dilancarkan hari ini di Sekolah Menengah Bukit Damansara di sini dalam usaha Kementerian menyokong inisiatif sekolah bistari kerajaan.

Bilik darjah elektronik itu adalah hasil kerjasama Kementerian Pendidikan dan Intel Malaysia, sebuah syarikat pengeluar komputer dan rangkaian komunikasi terbesar dunia, dan ia dilancarkan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Haji Abdul Rafie Mahat.

Sekolah Kebangsaan Bukit Damansara dipilih bagi projek bernilai RM100,000 itu berdasarkan kemudahan dan kelengkapan yang tersedia di sekolah itu, kata Abdul Rafie kepada pemberita selepas pelancaran itu.

Intel Malaysia telah menyumbangkan 30 stesen komputer, sebuah stesen komputer guru, sebuah pengkhidmat, persisian dan sambungan Internet.

Beliau juga berkata, sebanyak 2,400 buah makmal komputer telah dibina untuk sekolah rendah dan menengah di seluruh Malaysia oleh Kementerian Pendidikan dalam usaha membawa kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Sebelum itu, dalam ucapannya, Abdul Rafie berkata kewujudan bilik darjah elektronik ini sejajar dengan era digital dan pembaharuan yang diketengahkan.

Sementara itu, Guru Besar Sekolah Kebangsaan Bukit Damansara Hajjah Rashedah Md. Yassin berkata, kesemua guru di sekolah itu telahpun mendapat latihan daripada Intel.

Semua guru dan murid boleh menggunakan bilik darjah itu mengikut jadual yang telah ditetapkan, kata beliau.

-- BERNAMA

LIB ES PR